

Bil. S 40

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH MENTERI KEWANGAN (PEMERBADANAN), 2011**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

1. Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.
  2. Tafsiran.
  3. Penubuhan badan korporat.
  4. Kuasa.
  5. Penyempurnaan dokumen.
  6. Pemberitahuan adalah keterangan muktamad.
  7. Pemindahan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Perdana Menteri kepada Perbadanan.
  8. Perletakan hak harta, hak dan liabiliti syarikat tertentu pada syarikat induk.
  9. Pembubaran Perbadanan Perdana Menteri.
  10. Peruntukan-peruntukan peralihan dan perkecualian.
  11. Pindaan berbangkit kepada Perintah Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad, 2002 (S 6/2002).
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH MENTERI KEWANGAN (PEMERBADANAN), 2011

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

**Gelaran, permulaan kuatkuasa dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Menteri Kewangan (Pemerbadanan), 2011 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk memperbadankan Menteri Kewangan sebagai suatu perbadanan dan bagi maksud-maksud lain yang berkaitan atau berhubung dengannya”.

**Tafsiran.**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain –

“hari yang ditetapkan” bermakna hari yang ditetapkan di bawah bab 8(1);

“Perbadanan” bermakna Perbadanan Menteri Kewangan yang ditubuhkan di bawah bab 3;

“syarikat induk” bermakna syarikat yang dinamakan bagi maksud-maksud bab 8(1);

“Menteri” bermakna Menteri Kewangan;

“Perbadanan Perdana Menteri” bermakna perbadanan yang disebut dalam bab 3(1) dari Perintah Perlembagaan (Pemerbadanan Perdana Menteri), 1960 (S 55/60);

“syarikat-syarikat tertentu” bermakna syarikat-syarikat yang ditentukan dalam perintah yang dibuat oleh Menteri menurut bab 8(1).

**Penubuhan badan korporat.**

3. (1) Menteri yang diberi tanggungjawab pada masa itu bagi kewangan adalah suatu badan korporat di bawah nama "Menteri Kewangan" (disebut dalam Perintah ini sebagai Perbadanan).

(2) Perbadanan boleh mendakwa dan didakwa atas nama korporatnya dan hendaklah kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai korporat, dan meterai tersebut boleh dari masa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baru sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

**Kuasa.**

4. Perbadanan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati setiap perihal harta alih dan harta tak alih, dan boleh memindah hak, menyerah hak, menyerahkan balik dan memulangkan, menggadaijanji, mendemis, menyerah hak semula, memindah atau pun selainnya melupakan, atau mengurusniaga, mana-mana harta alih dan harta tak alih yang terletak hak pada Perbadanan atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Perbadanan.

**Penyempurnaan dokumen.**

5. Semua suratikatan, dokumen atau instrumen lain yang menghendaki meterai Perbadanan hendaklah dimeterai dengan meterai Perbadanan di hadapan Menteri, yang akan menandatangani setiap suratikatan, dokumen atau instrumen lain yang dibubuh dengan meterai korporat, dan penandatanganan tersebut adalah keterangan yang mencukupi bahawa meterai itu telah dibubuh dengan sempurna dan sepatutnya dan bahawa meterai itu adalah meterai Perbadanan yang sah.

**Pemberitahuan adalah keterangan muktamad.**

6. Suatu pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* bahawa seorang Menteri telah diberi tanggungjawab bagi kewangan adalah keterangan muktamad bahawa Menteri itu telah diberi tanggungjawab demikian.

**Pemindahan harta, hak dan liabiliti Perbadanan Perdana Menteri kepada Perbadanan.**

7. (1) Pada permulaan kuatkuasa Perintah ini, semua harta, hak dan liabiliti Perbadanan Perdana Menteri melainkan dikecualikan selainnya dengan suatu perintah yang dibuat oleh Menteri mengenainya hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak pada Perbadanan tanpa jaminan, tindakan atau suratikatan lanjut, kecuali diperuntukkan selainnya dalam Perintah ini.

(2) Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perbuatan atau perkara yang dianggapnya perlu atau mustahak untuk menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan cerai (1).

(3) Jika sebarang persoalan timbul tentang sama ada mana-mana harta, hak atau liabiliti tertentu telah dipindahkan kepada dan terletak hak pada Perbadanan di bawah cerai (1), suatu perakuan yang ditandatangani oleh Menteri adalah keterangan muktamad bahawa harta, hak atau liabiliti itu adalah atau tidak dipindahkan atau terletak hak demikian.

(4) Mana-mana harta tak alih yang akan dipindahkan kepada dan terletak hak pada Perbadanan di bawah cerai (1) hendaklah dipegang oleh Perbadanan atas pemegangan tersebut dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri.

(5) Sebarang prosiding oleh atau terhadap Perbadanan Perdana Menteri yang belum diputuskan pada permulaan kuatkuasa Perintah ini boleh diteruskan, diselesaikan dan dikuatkuasakan oleh atau terhadap Perbadanan.

(6) Sebarang perjanjian yang dibuat, transaksi yang dilaksanakan atau perkara lain yang dilakukan oleh, kepada atau berkenaan dengan Perbadanan Perdana Menteri yang berkuatkuasa atau berkuatkuasa sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah berkuatkuasa mulai dari permulaan kuatkuasa Perintah ini seolah-olah dibuat, dilaksanakan atau dilakukan oleh, kepada atau berkenaan dengan Perbadanan, dalam semua hal seolah-olah Perbadanan adalah orang yang sama, di sisi undang-undang, sebagai Perbadanan Perdana Menteri.

(7) Bagi maksud-maksud cerai (6), sebutan-sebutan kepada Perbadanan Perdana Menteri –

*(a)* dalam sebarang perjanjian (sama ada secara bertulis atau tidak) dan dalam apa-apa suratikatan, bon atau instrumen;

*(b)* dalam apa-apa proses atau dokumen lain yang dikeluarkan, disediakan atau digunakan bagi maksud sebarang prosiding di hadapan mana-mana mahkamah atau tribunal atau pihak berkuasa lain; dan

*(c)* dalam mana-mana dokumen lain apa pun yang berkaitan dengan atau menyentuh mana-mana harta, hak atau liabiliti Perbadanan Perdana Menteri yang terletak hak menurut cerai (1) pada Perbadanan,

hendaklah dianggap, tanpa menghiraukan sebarang peruntukan yang tersirat atau nyata yang bertentangan, dari tarikh permulaan kuatkuasa yang ditetapkan oleh Menteri di bawah bab 1(1), sebagai merujuk kepada Perbadanan.

(8) Adalah dengan ini diisytiharkan bagi mengelakkan keraguan bahawa —

(a) sebarang sebutan dalam Perintah ini kepada harta yang terletak hak pada Perbadanan Perdana Menteri adalah suatu sebutan kepada harta Perbadanan Perdana Menteri sama ada terletak di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain sama ada boleh dipindahkan atau diserahkan hak kepada Perbadanan Perdana Menteri atau tidak; dan

(b) sebarang sebutan kepada hak-hak dan liabiliti-liabiliti Perbadanan Perdana Menteri adalah suatu sebutan kepada hak-hak yang kepadanya Perbadanan Perdana Menteri berhak atau, mengikut mana yang berkenaan, liabiliti-liabiliti yang kepadanya Perbadanan Perdana Menteri tertakluk, sama ada di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam atau mana-mana negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam dan sama ada boleh dipindahkan atau diserahkan hak kepada Perbadanan atau tidak dan termasuk hak-hak dan liabiliti-liabiliti yang berbangkit di bawah pinjaman-pinjaman yang didapatkan oleh Perbadanan Perdana Menteri.

**Perletakan hak harta, hak dan liabiliti syarikat tertentu pada syarikat induk.**

8. (1) Pada tarikh sebagaimana yang mungkin ditetapkan dengan perintah oleh Menteri, semua harta, hak dan liabiliti yang kepadanya Perbadanan berhak atau tertakluk menurut bab 7(1) berkaitan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan dalam perintah itu hendaklah menjadi, menurut bab ini, harta, hak dan liabiliti suatu syarikat yang dinamakan bagi maksud-maksud bab ini oleh Menteri, dan sebutan-sebutan dalam Perintah ini kepada tarikh yang ditetapkan atau kepada syarikat induk adalah sebutan-sebutan kepada tarikh yang ditetapkan itu atau syarikat yang dinamakan itu masing-masing.

(2) Menteri hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan semua perbuatan atau perkara yang dianggapnya perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan cerai (1).

(3) Jika sebarang persoalan timbul tentang sama ada mana-mana harta, hak atau liabiliti tertentu telah dipindahkan kepada dan terletak hak pada syarikat induk di bawah cerai (1), suatu perakuan yang ditandatangani oleh Menteri adalah keterangan muktamad bahawa harta, hak atau liabiliti itu adalah atau tidak dipindahkan atau terletak hak demikian.

(4) Sebarang prosiding oleh atau terhadap Perbadanan berkaitan dengan syarikat-syarikat tertentu yang belum diputuskan sejurus sebelum tarikh yang ditetapkan boleh diteruskan, diselesaikan dan dikuatkuasakan oleh atau terhadap syarikat induk.

(5) Sebarang perjanjian yang dibuat, transaksi yang dilaksanakan atau perkara lain yang dilakukan oleh, kepada atau berkenaan dengan Perbadanan berkaitan dengan syarikat-syarikat tertentu yang berkuatakuasa atau berkuatakuasa

sejurus sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh yang ditetapkan seolah-olah dibuat, dilaksanakan atau dilakukan oleh, kepada atau berkenaan dengan syarikat induk, dalam semua hal seolah-olah syarikat induk adalah orang yang sama, di sisi undang-undang, sebagai Perbadanan.

(6) Bagi maksud-maksud cerai (5), sebutan-sebutan kepada Perbadanan —

(a) dalam sebarang perjanjian (sama ada secara bertulis atau tidak) dan dalam apa-apa suratikatan, bon atau instrumen;

(b) dalam apa-apa proses atau dokumen lain yang dikeluarkan, disediakan atau digunakan bagi maksud sebarang prosiding di hadapan mana-mana mahkamah atau tribunal atau pihak berkuasa lain; dan

(c) dalam mana-mana dokumen lain apa pun yang berkaitan dengan atau menyentuh mana-mana harta, hak atau liabiliti Perbadanan yang terletak hak menurut cerai (1) pada syarikat induk,

hendaklah dianggap, tanpa menghiraukan sebarang peruntukan yang tersirat atau nyata yang bertentangan, dari tarikh yang ditetapkan, sebagai merujuk kepada syarikat induk.

(7) Adalah dengan ini diisytiharkan bagi mengelakkan keraguan bahawa —

(a) sebarang sebutan dalam Perintah ini kepada harta yang terletak hak pada Perbadanan berkaitan dengan syarikat-syarikat tertentu adalah suatu sebutan kepada harta Perbadanan sama ada terletak di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain sama ada boleh dipindahkan atau diserahkan hak kepada syarikat induk atau tidak; dan

(b) sebarang sebutan kepada hak-hak dan liabiliti-liabiliti Perbadanan berkaitan dengan syarikat-syarikat tertentu adalah suatu sebutan kepada hak-hak yang kepadanya Perbadanan berkaitan dengan syarikat-syarikat tertentu berhak atau, mengikut mana yang berkenaan, liabiliti-liabiliti yang kepadanya Perbadanan berkaitan dengan syarikat-syarikat tertentu tertakluk, sama ada di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam atau mana-mana negara atau wilayah di luar Negara Brunei Darussalam dan sama ada boleh dipindahkan atau diserahkan hak kepada syarikat induk atau tidak dan termasuk hak-hak dan liabiliti-liabiliti yang berbangkit di bawah pinjaman-pinjaman yang didapatkan oleh Perbadanan berkaitan dengan syarikat-syarikat tertentu.

**Pembubaran Perbadanan Perdana Menteri.**

9. (1) Perbadanan Perdana Menteri hendaklah terus wujud selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini sehingga ia dibubarkan menurut cerai (2); dan sehingga pembubaran tersebut, Perbadanan hendaklah menjalankan semua kuasa Perbadanan Perdana Menteri.

(2) Setelah Menteri berpuas hati bahawa tidak ada lagi yang akan dilakukan oleh Perbadanan di bawah Perintah ini, dia boleh, dengan perintah membubarkan Perbadanan Perdana Menteri pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam perintah itu dan mengendalikan mana-mana harta yang tinggal yang terletak hak pada Perbadanan Perdana Menteri atas terma-terma sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

**Peruntukan-peruntukan peralihan dan perkecualian.**

10. Menteri boleh dengan perintah membuat peruntukan peralihan dan perkecualian yang pada pendapatnya perlu atau mustahak berhubung dengan permulaan kuatkuasa Perintah ini dan sebarang peruntukan suatu perintah yang dibuat di bawah bab ini selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini boleh dibuat supaya berkuatkuasa mulai dari tarikh itu atau mana-mana tarikh yang kemudian.

**Pindaan berbangkit kepada Perintah Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad, 2002 (S 6/2002).**

11. Apabila Perintah ini mula berjalan kuatkuasanya, Perintah Syarikat Petroleum Kebangsaan Brunei Sendirian Berhad, 2002 (S 6/2002) adalah dipinda dengan memotong “Perbadanan Perdana Menteri” dan menggantikannya dengan “Perbadanan Menteri Kewangan” di mana sahaja perkataan-perkataan itu terdapat dalam bab-bab yang berikut –

- (a) bab 5(2);
- (b) bab 7(4);
- (c) bab 8;
- (d) bab 11(2); dan
- (e) bab 12(4A).

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1432 bersamaan dengan 13 haribulan Julai, 2011 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**